

TINTA MINDA

Sisa Dapur Bukan Sekadar Sampah



15/09/2026 10:00 AM

Oleh Dr Zalikha Ibrahim

Apabila sisa menjadi persoalan

Setiap hari, kita membuang sisa dapur seperti kulit buah, lebihan sayur dan nasi tanpa berfikir panjang. Setelah dibuang, kita jarang tertanya-tanya: benarkah ia sudah tidak mempunyai nilai?

Persoalan ini membawa kita kepada isu yang lebih besar. Sisa domestik bukan sekadar sampah pelupusan, sebahagiannya masih boleh dimanfaatkan semula melalui pengkomposan.

Perspektif ini diketengahkan menerusi projek KITAKOMPOS di Kuantan (September 2025 – Mei 2026).

Diterajui pasukan penyelidik Kulliyyah Farmasi dan Kulliyyah Sains UIAM, projek ini menjadikan Rumah Anak Yatim dan Asnaf

Secara umum, fasiliti berpenghuni ramai berpotensi menghasilkan sisa makanan yang besar. Justeru, institusi ini menjadi premis ideal bagi membuktikan bagaimana sisa berkapasiti tinggi mampu diurus secara lestari oleh 12 orang penghuni di situ.

Bagi peserta yang terlibat, KITAKOMPOS bukan sekadar aktiviti alam sekitar. Ia menjadi pengalaman untuk menilai semula sisa harian dan bertanya: “Apa yang boleh kita lakukan dengan sisa yang kita hasilkan setiap hari?”



Kompos bermula dari dapur

Pengkomposan tidak semestinya bermula dengan projek yang besar. Ia boleh bermula dengan sisa di dapur sendiri.

Melalui KITAKOMPOS, para peserta didedahkan kepada pengasingan sisa domestik yang dikumpulkan daripada rumah mereka dan kawasan sekitar.

Mereka belajar mengenal pasti bahan organik yang sesuai untuk dikomposkan, manakala sisa yang tidak sesuai seperti ayam dan daging tidak dimasukkan dalam proses tersebut.

Bagi sesetengah peserta, kompos merupakan sesuatu yang baharu. Ada yang pada awalnya tidak mengetahui apa itu kompos. Namun, pembelajaran tidak hanya berlaku melalui penerangan. Mereka sendiri terlibat dalam proses pengasingan sisa dan mengikuti demonstrasi pengkomposan.

Pengalaman sebegini menjadikan konsep kelestarian lebih dekat dengan kehidupan. Mereka dapat melihat bahawa kulit buah atau lebih sayur yang biasanya terus dibuang sebenarnya masih mempunyai kegunaan.

Dalam skala kecil, kompos yang dihasilkan boleh dimanfaatkan untuk tanah dan tumbuhan. Apa yang sebelumnya dianggap sebagai penghujung sebenarnya boleh menjadi sebahagian daripada satu kitaran baharu.

Daripada kompos kepada produk

Namun, KITAKOMPOS tidak berhenti apabila kompos berjaya dihasilkan.

Di sinilah projek ini mengambil satu langkah lagi. Para peserta diajak melihat kompos bukan sahaja sebagai hasil daripada pengurusan sisa, tetapi sebagai sesuatu yang boleh mempunyai nilai kepada orang lain.

Seterusnya, para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan diberikan peluang menghasilkan reka bentuk menggunakan Canva.

Mereka belajar menghasilkan poster, bahan promosi dan label produk. Reka bentuk yang terbaik kemudiannya diperhalusi untuk digunakan pada produk sebenar.

Mereka turut diperkenalkan kepada asas keusahawanan, termasuk mengenal pasti sasaran pengguna, menetapkan harga dan strategi pemasaran yang disusuli simulasi jualan.

Bagi merangka modul yang praktikal dan mesra pengguna, sesi Perbincangan Kumpulan Sasar (FGD) dijalankan terlebih dahulu untuk meneroka pandangan serta pemahaman para peserta.

Gabungan ini membentuk kitaran pembelajaran yang lengkap; daripada penghasilan kompos, pembinaan identiti produk, hingga strategi pemasaran. Inilah perjalanan daripada sisa kepada kompos, kompos kepada produk, dan produk kepada peluang.



Kompos H.I.J.A.U dan nilai yang baharu

Hasil daripada proses tersebut ialah Kompos H.I.J.A.U, produk kompos yang dibungkus dalam pek satu kilogram.

Nama H.I.J.A.U membawa maksud Hijau, Inovatif, Jana, LestAri dan KomUniti, yang mencerminkan semangat projek untuk menggabungkan kelestarian alam sekitar dengan pembelajaran dan penglibatan komuniti.

Pada 16 Mei 2026, Kompos H.I.J.A.U dilancarkan dan mula dijual sempena sambutan Jubli Perak ke-25 Kulliyah Farmasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Kuantan.

Pelancaran tersebut menjadi satu detik bermakna kerana di sebalik produk satu kilogram itu terdapat proses yang panjang, bermula daripada sisa domestik, pengasingan, pengkomposan, reka bentuk, pembungkusan, pembelajaran keusahawanan dan simulasi jualan.

Lebih penting, para peserta dapat melihat sendiri bahawa sesuatu yang bermula sebagai sisa boleh diberi identiti dan nilai. Pengalaman ini mengubah cara mereka melihat "sampah".

Apa yang dahulu dianggap sebagai sesuatu yang perlu segera dibuang mula dilihat sebagai bahan yang masih boleh dimanfaatkan.

Pengkomposan tidak memerlukan modal tinggi atau usaha berskala besar. Ia boleh bermula di rumah.

Walaupun sisa organik harian sesebuah kediaman kelihatan sedikit, pengumpulan secara konsisten mampu menghasilkan kompos yang menyuburkan tanah dan tanaman sendiri.

Apabila kuantiti sisa meningkat, ia berpotensi berkembang menjadi aktiviti ekonomi berskala kecil; yang mana dibungkus, dilabel, dan dipasarkan menggunakan bahan sedia ada tanpa modal besar.

Inilah perspektif yang dibawa oleh KITAKOMPOS. Matlamatnya bukan untuk melahirkan pengusaha kompos semata-mata, tetapi membuktikan bahawa kelestarian alam sekitar dan peluang ekonomi mampu bergerak seiring demi menjana nilai baharu.

Belajar lebih daripada menghasilkan kompos

Nilai terbesar projek KITAKOMPOS bukan sekadar terletak pada kuantiti kompos atau jualan produk, tetapi pada ilmu yang dibawa pulang oleh para peserta.

Ilmu yang diperoleh boleh diamalkan semula di rumah, sekolah mahupun pada masa hadapan.

Selain pengurusan sisa dan alam sekitar, mereka turut mempelajari kemahiran pengasingan bahan, teknologi digital, komunikasi dan asas keusahawanan.

Amalan pengkomposan ini boleh diteruskan di rumah, manakala kemahiran mereka bentuk, menetapkan harga dan memahami pengguna menjadi asas kepada pelbagai bentuk kreativiti perniagaan lain.

Secara lebih luas, pembelajaran berasaskan pengalaman ini menyokong aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) dan SDG 10 (Pengurangan Ketidaksamaan).

Ia membuktikan bahawa pendidikan bermakna tidak terhad di dalam bilik darjah, sebaliknya boleh hadir menerusi pengalaman praktikal yang membina keyakinan diri.

Satu perbuatan, satu perubahan

Pada akhirnya, KITAKOMPOS bukan sekadar tentang menghasilkan kompos. Ia tentang mengubah cara kita melihat sesuatu yang selama ini mudah kita buang.

Mungkin perubahan itu tidak perlu bermula dengan sesuatu yang besar. Ia boleh bermula di dapur rumah sendiri, apabila kita memisahkan kulit buah atau lebihan sayur daripada sisa lain.

Sedikit demi sedikit, sisa itu boleh menjadi kompos. Kompos boleh kembali kepada tanah dan memberi manfaat kepada tumbuhan. Jika dikumpulkan dengan lebih banyak dan diurus dengan baik, ia pula boleh menjadi produk dan membuka ruang kepada peluang ekonomi kecil-kecilan.

Jadi, sebelum sesuatu sisa dimasukkan ke dalam tong sampah, mungkin kita boleh berhenti seketika dan bertanya: “Adakah ini benar-benar sampah?”

Kerana kadangkala, apa yang kita anggap sebagai penghujung sebenarnya boleh menjadi permulaan kepada sesuatu yang baharu.

Kita mengkompos. Satu perbuatan, pelbagai manfaat.

-- BERNAMA

Dr Zalikha Ibrahim ialah Pensyarah dan ketua projek di Jabatan Kimia Farmaseutikal, Kulliyyah Farmasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Kuantan dan boleh dihubungi melalui emel (zalikha@iium.edu.my).

(Semua yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pendapat penulis dan tidak menggambarkan dasar atau pendirian rasmi BERNAMA)

Kata kunci

- sisa dapur
- kompos
- produk
- pengurusan sisa
- sisa domestik



Rakyat Menunggu Hasil Kerja Hibrid Penjawat Awam



Budaya Kerja Lebih Masa Bukan Ukuran Produktiviti



HBH: Antara Fleksibiliti, Produktiviti Dan Cabaran Teknologi

Artikel terkini



Hari Malaysia: Nikmat Yang Perlu Disyukuri



16 September : Mengakar Jati Diri Menggapai Kemodenan



Keharmonian Kaum Tonggak Kelestarian Malaysia

Copyright © 2026 BERNAMA Tinta Minda